

Setiausaha Sulit Kepada
DYMM Tuanku Raja Muda Perlis
Pejabat DYMM Tuanku Raja Perlis
02600 Arau
PERLIS

Faks : 04-9862260

Tuan,

**MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI 1438H BERSAMA DYTM TUANKU RAJA
MUDA PERLIS DAN DYTM TUANKU RAJA PUAN MUDA PERLIS**

Izinkan saya dengan segala hormatnya menjemput perhatian tuan kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan XXXXXX akan menganjurkan Majlis Sambutan Aidilfitri 1438H Bersama DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan DYTM Tuanku Raja Puan Muda Perlis pada ketetapan yang berikut:

Tarikh : 16 Mac 2017 (Khamis)
Masa : 8.30 malam
Tempat : Dewan Warisan, Kangar, Perlis
Kod Etika Pemakaian : Baju Kebangsaan

3. Sehubungan itu, Pejabat ini berhasrat untuk mempersilakan DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis dan DYTM Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis untuk bercemar duli berangkat ke majlis termaklum. Bersama-sama ini dilampirkan cadangan atur cara program untuk tatapan Baginda berdua

jua. Turut dikembarkan ialah senarai cadangan menu untuk limpah perkenan Baginda berdua.

4. Sesungguhnya, kerjasama dan perhatian Tuan untuk menyembang maklumkan hasrat ini kepada Baginda berdua amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“INTERGRITI PROFESIONAL MESRA”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' XXXXXXXXXXXXXXX)
Pengarah
Jabatan XXXXXX

ATURCARA
MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI 1438H BERSAMA DYTM TUANKU RAJA
MUDA PERLIS DAN DYTM TUANKU RAJA PUAN MUDA PERLIS

- Tarikh** : **16 Mac 2017 (Khamis)**
Tempat : **Dewan Warisan, Kangar**
- 8.00 malam : Ketibaan dif-dif jemputan
- 8.15 malam : Ketibaan YAB Menteri Besar Perlis dan isteri
- 8.30 malam : Keberangkatan tiba DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan
DYTM Raja Puan Muda Perlis
: Lagu Dirgahayu Tuanku
: Penyempurnaan Titah Perasmian oleh DYTM Tuanku Syed
Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail,
Raja
Muda Perlis
: Santapan/ Jamuan
: Persembahan
: Pengurniaan Hadiah
: Persembahan cenderakenangan
: DYTM Tuanku Raja Muda Perlis dan DYTM Tuanku Raja
Puan Muda Perlis berangkat meninggalkan majlis
: YAB Menteri Besar Perlis dan isteri meninggalkan majlis
- 11.30 malam : Bersurai

SENARAI CADANGAN MENU
MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI 1438H BERSAMA DYTM TUANKU RAJA
MUDA PERLIS DAN DYTM TUANKU RAJA PUAN MUDA PERLIS

Tarikh : **16 Mac 2017 (Khamis)**
Tempat : **Dewan Warisan, Kangar**

- i. Nasi hujan panas
- ii. Nasi putih
- iii. Ketupat palas
- iv. Nasi impit
- v. Rendang ayam
- vi. Sate ayam dan daging
- vii. Kuah kacang
- viii. Ayam masak merah
- ix. Daging salai
- x. Ikan kembung goreng
- xi. Sayur campur
- xii. Ulam
- xiii. Teh Tarik
- xiv. Kopi O
- xv. Air mineral